

18 JUN 2003

Umno-Wanita (Tawan)

RAFIDAH GARIS LIMA "S" UNTUK TAWAN KELANTAN DAN TERENGGANU

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini menggariskan lima "S" sebagai usaha untuk menawan kembali Kelantan dan Terengganu dari tangan parti pembangkang PAS pada pilihan raya umum akan datang.

Semasa menyampaikan ucapan penungguhan Perhimpunan Agung pergerakan itu di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, beliau berkata lima "S" itu ialah sikap, semangat, strategi, sehaluan dan setia.

"Lima S itu diperolehi hasil analisa saya dan sekiranya ia diikuti, besar kemungkinan kedua-dua negeri itu akan berjaya ditawan kembali," katanya.

Beliau berkata banyak kerusi yang dimenangi pembangkang di negeri terbabit bukan berpunca dari kekuatan parti mereka (pembangkang) sebaliknya berpunca dari masalah dalaman Umno.

Katanya Umno berharap untuk memenangi kerusi yang tewas itu terutamanya dengan majoriti tipis kerana Umno tidak sepatutnya kalah di kawasan terbabit.

Sehubungan itu, Rafidah berkata semua anggota Umno terutamanya dari pergerakan itu akan terus berjuang dan bersama golongan akar umbi bagi menarik sokongan kepada parti.

Beliau berkata anggota Wanita Umno tidak harus menghiraukan pembangkang (PAS) yang disifatkannya sebagai makhluk perosak.

"Tapi, kita wajib membetulkan keadaan jika PAS memesongkan orang Melayu dan Islam serta memecahbelahkan perpaduan, ini tidak boleh dibiarkan. Kita mesti bina kekuatan kita berasaskan perpaduan," katanya.

Menyentuh perkara lain, Rafidah berkata memang menjadi hasrat pergerakan itu untuk tidak meminggirkan Wanita Umno apabila soal calon ditimbulkan setiap kali pilihan raya.

Katanya adalah menjadi dasar pergerakan itu untuk mengekalkan kerusi yang ditandingi Wanita Umno ketika ini dan berharap lebih ramai akan dicalonkan selepas persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Rafidah berkata anggota Wanita Umno tidak harus menyalahkan kerajaan berikutan bilangan pelajar lelaki semakin berkurangan berbanding wanita di institusi pengajian tinggi awam.

"Hal ini berlaku kerana golongan lelaki banyak terlibat dalam gejala sosial seperti dadah dan ini menyebabkan mereka tercicir. Kita mesti menuding jari kepada diri sendiri kerana mereka itu (pelajar lelaki) adalah sama ada anak kita atau saudara kita," katanya.

Beliau menggesa anggota Wanita Umno melibatkan diri dalam aktiviti masyarakat setempat bagi merubah minda, budaya hidup dan sikap ke arah melahirkan warganegara yang setia dan bersikap patriotik.

"Saya syorkan program khusus itu dinamakan Rakan Wanita dan kita akan bekerjasama dengan semua pihak yang selari dengan Wanita Umno," katanya.

Rafidah turut melahirkan perasaan puashati dan gembira dengan kualiti perbincangan pada perhimpunan kali ini kerana ia semakin meningkat dari tahun ke tahun.

"Apa yang dapat dilihat, hujah kali ini lebih memberi fokus dengan disertakan angka dan fakta tepat," katanya.

Rafidah berkata Wanita Umno melahirkan penghargaan kepada isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang sentiasa berada di sisi Dr Mahathir Mohamad pada ketika menghadapi krisis serta berada di kemuncak.

Katanya sokongan Siti Hasmah itu membolehkan Dr Mahathir menjalankan tugas dengan baik serta dapat memberikan apa yang diperlukan oleh semua anggota Umno dan negara.

Perhimpunan agung Wanita Umno itu meluluskan tiga usul dengan sebulat suara melibatkan ucapan dasar Ketua Wanita Umno, pendidikan dan agama, serta ekonomi yang dibahaskan oleh 14 wakil.

Rafidah mengakhiri ucapan penangguhannya dengan tiga rangkap pantun iaitu:

Dari Perlis sampai ke Johor
Berkereta Proton di jalan raya
Kuat wanita kuatlah Umno
Yakin menghadapi pilihan raya

Kukuh dan teguh si kayu jati
Rumah dibina lapang dan luas
Setialah kita kepada parti
Menyokong pemimpin setulus ikhlas

Dari Tawau melancong ke Pekan
Terus mengunjung Pelabuhan Klang
Berusahalah kita perkuatkan pasukan
InsyaAllah, Barisan Nasional memang cemerlang.

-- BERNAMA
MAN KHY ROS